

16/03/2001

Pembangkok cuba raih simpati rakyat miskin: PM

Rosli Abdul Jalil; Noorwati Salleh

KUALA LIPIS, Khamis - Pembangkang kini menumpukan perhatian kepada golongan rakyat miskin dengan menghasut mereka supaya menentang kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, hasutan itu dilakukan agar rakyat memprotes kononnya kerajaan yang ada sekarang tidak lagi mempedulikan nasib orang miskin.

"Kita lihat sekarang ini bagaimana mereka tumpu ke tempat setinggan dan cuba tunjuk simpati kepada orang ini dengan pergi ke hospital untuk kononnya melihat orang sakit dan sebagainya.

"Tindakan seperti itu akan dibuat jika ia mendatangkan faedah politik kepada mereka tanpa adanya perasaan kemanusiaan atau keprihatinan terhadap nasib orang lain.

"Mereka sekarang begitu galak sekali nak tunjukkan simpati kononnya kepada orang miskin... orang miskin banyak," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli jawatankuasa Umno Bahagian Lipis dan Raub di sini hari ini.

Mengenai khabar angin berikutan pergaduhan antara dua kumpulan penduduk di Jalan Klang Lama, Perdana Menteri berkata ia disebarkan oleh pihak tertentu yang tidak diketahui latar belakang mereka.

Katanya, golongan itu sengaja membesar-besarkan cerita kononnya beratus-ratus orang Melayu dibunuh, supaya orang Melayu marah.

"Saya tak tahu mungkin juga di kalangan orang India juga ada cerita yang sama. Dengan ini mereka berharap rusuhan ini akan berterusan.

"Kita tahu bahawa rusuhan ini, kalau berterusan seperti yang berlaku di sebuah negara lain, ada kemungkinan kerajaan dijatuhkan. Ini memang pun hasrat politik parti lawan," katanya.

Dr Mahathir berkata, perbuatan menyebarkan fitnah kononnya angka kematian akibat kejadian itu melebihi enam orang menunjukkan pereka cerita itu bukan sahaja mendapat maklumat tidak betul, malah menciptanya sendiri.

"Kita tahu berapa banyak orang yang mati dan cedera, tetapi mereka cerita lebih daripada enam orang. Saya ingat, ini ada niat tersembunyi," katanya.

(END)